

Nilai Kapitalistik dan Patriotistik di dalam Pembangunan dan Pemilikan Tanah – Satu Kerangka Konseptual

*Capitalistic and Patriotistic Value in Development and Land Ownership:
A Conceptual Framework*

Mohd Hasrol Haffiz Bin Aliasak
Jabatan Pengurusan Hartanah
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara (Perak)
Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan

Hamzah Jusoh
Mohd Yusoff Hussain
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor Darul Ehsan

Email: de_jones77@yahoo.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan takrifan dan konsep nilai-nilai kapitalistik dan patriotistik yang juga dikenali sebagai nilai-nilai moral. Takrifan dan konsep nilai ini ditinjau dari perspektif teori-teori nilai yang dikemukakan oleh pengasas-pengasas teori tersebut. Pemerhatian dan penilaian penyelidik ke atas nilai-nilai ini telah mengambilkira perkembangan dan evolusi nilai ini dimana pada asalnya ia merupakan satu sistem ekonomi dan politik yang diketengahkan oleh pemikir-pemikir silam bagi menunjukkan tentangan mereka terhadap amalan penguasaan golongan feudal dan agaman dalam sosioekonomi masyarakat. Pada masa kini, nilai-nilai ini secara khususnya telah berjaya menyusup masuk ke dalam pemikiran masyarakat terutama yang melibatkan kepentingan peribadi dan masyarakat. Oleh yang demikian, penyelidik akan menilai dan membuat analisa naratif terhadap nilai-nilai ini dan seterusnya menerapkan konsep nilai-nilai tersebut dalam skop pembangunan dan pemilikan tanah. Di akhir kertas kerja ini, penyelidik akan membina satu kerangka konseptual dalam membincangkan kewujudan nilai-nilai kapitalistik dan patriotistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah.

Kata Kunci : Nilai Kapitalistik dan Patriotistik, Pembangunan dan Pemilikan Tanah.

ABSTRACT

This paper discusses interpretation and concept of capitalistic and patriotistic values which also known as the moral values. The interpretations and concept for such values were evaluated and examined from the theories which proposed and introduced by the establishers. Observation and evaluation by the researcher are taking into consideration the evolution of these values which originally the theories used as a politic and economy system. Today, these values specifically were influenced to the society perception especially if these values involving their personal and private property right. The researcher will evaluate and analyse by using narrative approach and to apply the concept of these values in the land development and ownership perspectives. At the end of this paper, the researcher will develop a conceptual framework in order to discuss the emergence of capitalistic and patriotistic values in this study.

Keywords : Capitalistic and Patriotistic Values, Development and Land Ownership.

PENDAHULUAN

Isu kehilangan dan penyusutan pemilikan tanah natif Melayu merupakan agenda yang perlu diberi perhatian kerana telah banyak tanah yang strategik mula dikuasai oleh komuniti bukan Melayu akibat dari proses pembangunan. Kesan dari persekitaran sosioekonomi komuniti natif Melayu yang rendah, maka mereka melihat tanah sebagai komoditi yang boleh diurusniaga kepada mana-mana bakal pembeli yang sanggup menawar harga yang menarik. Selain itu juga, tindakan pengambilan balik tanah oleh pihak berkuasa negeri melalui undang-undang turut menyumbang kepada isu tersebut. Dalam konteks ini, sikap dan mentaliti merupakan elemen utama yang mempengaruhi pemilik-pemilik tanah Melayu dan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam memutuskan bentuk dan kaedah yang boleh menjana pulangan sama ada melalui penggunaan atau pengeksploitan tanah. Sesuai dengan perkembangan dan peranan nilai kapitalistik yang kini menjadi anutan kebanyakan masyarakat pada masa kini yang melihat kepentingan monetari di dalam memenuhi keinginan dan keperluan peribadi individu. Ia tidak lagi terbatas dikalangan pemilik-pemilik tanah natif Melayu tetapi turut didokong oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti kerajaan, pemaju dan pelabur natif Melayu, pemimpin-pemimpin masyarakat Melayu dan sebagainya. Nilai Kapitalistik pada mulanya tertumpu kepada sistem ekonomi dan kini telah mengalami evolusi dimana perkembangannya tidak lagi tertumpu di dalam usaha untuk mengeksploitasikan sumber-sumber ekonomi. Sebaliknya ia menjadi salah satu elemen globalisasi yang telah menyusup masuk ke dalam proses pembentukan polisi dan budaya sosial masyarakat. Hakikatnya, pembangunan dan pemilikan tanah merupakan salah satu faktor di dalam elemen sosioekonomi dan politik yang kini telah menerima tempas dari perkembangan evolusi nilai kapitalistik. Secara amnya, kapitalistik merujuk kepada kepentingan modal, pemaksimaan pulangan dan sikap individualistik yang menjadi teras kepada nilai tersebut. Sebaliknya, Nilai Patriotistik merupakan lawan atau oposisi ke atas Nilai Kapitalistik dimana ciri utama nilai ini lebih mementingkan *society* atau komunal dan merupakan salah satu cabang sosialisme di dalam mengekang kehalobaan Kapitalistik. Dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah natif Melayu, nilai kapitalistik dilihat sebagai penyebab kepada berlakunya kehilangan dan penyusutan pemilikan tanah. Sebaliknya, nilai patriotistik pula digambarkan sebagai usaha kelompok masyarakat dan individu mempertahankan milikan tanah mereka serta memanipulasi faedah dan manfaat pembangunan demi kepentingan bersama.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan data-data sekunder dimana analisa dan tinjauan ke atas penulisan-penulisan jurnal dan akademik akan dibuat dengan menggunakan pendekatan naratif. Pendekatan ini merupakan salah satu teknik penilaian kualitatif. Di akhir analisa ini, penulis akan mengemukakan satu kerangka konseptual yang mengambilkira hasil dari ulasan literatur yang dijalankan ke atas data-data sekunder yang dianalisis dan dinilai.

TAKRIFAN DAN KONSEP NILAI

Kapitalistik

Dari segi istilah, kapital berasal dari perkataan Latin iaitu *caput* yang bermaksud “kepala” yang jelas merujuk kepada perkataan “Pendapatan Per Kapita” atau Pendapatan Per Kepala. Umumnya, Kapita dikaitkan dengan istilah modal manakala istilah *ism* lebih menunjukkan kepada “fahaman” atau “ideologi” yang merujuk kepada cara hidup masyarakat yang akhirnya menjadi kebiasaan. Oleh itu, gabungan istilah “Kapital” dan “Isme” akan mewujudkan istilah “Kapitalisme” yang merupakan satu fenomena atau fahaman yang mementingkan pengumpulan modal. Bertitik tolak kepada istilah tersebut, terbit dua tanggapan yang wujud iaitu fahaman yang memacu ke arah pemilikan bersifat peribadi ke atas modal manakala takrifan yang kedua merujuk kepada kerangka falsafah yang mendukung fahaman tersebut. Kapitalistik merujuk kepada sifat seseorang yang mementingkan kapital/modal yang memonopoli di dalam sesuatu pemilikan perniagaan atau aktiviti ekonomi. Idea kapitalisme telah diperkenalkan oleh Adam Smith di dalam Teori Pembangunan Ekonomi dimana mekanisme hukum pasaran yang disokong oleh dorongan kepentingan-kepentingan peribadi yang berasaskan kepada kecekapan dan kekuatan individualisme dalam mewujudkan aturan sistem ekonomi (Eko, 2004 dan Diana, 2002). Bernstein (2007) mentakrifkannya sebagai satu bentuk nilai moral ekonomi termasuklah di dalam proses pembangunan tanah yang melibatkan persoalan-persoalan seperti

proses kerja komodifikasi di dalam transisi kapitalisme, bentuk proses kerja untuk dijalankan dan berbeza mengikut jenis kapitalisme yang wujud, kemampuan menyelesaikan masalah kemiskinan dengan mengaplikasikan konsep kapitalisme dan peranan dan pengaruh politik di dalam pengagihan semasa bagi mengatasi masalah ketidakadilan sosial yang wujud akibat dasar kapitalisme Barat.

Samekto (2000) mentafsir kapitalisme sebagai satu ideologi yang bertujuan melakukan akumulasi modal dan secara praktisnya ideologi ini memerlukan perluasan dalam skop yang besar dalam bentuk penguasaan pasaran, sumber dan penggunaan tenaga buruh pada kadar seminima yang mungkin. Stanislaus (2008) mendefinisikan ideologi kapitalisme sebagai satu sistem ekonomi yang menerapkan prinsip kebebasan di dalam ekonomi. Dalam konteks ini, individu bebas untuk memiliki dan mengembangkan modal bagi menjana manfaat dan faedah yang lebih besar. Menurut beliau lagi, kapitalisme dicirikan oleh hak atas milikan peribadi, hak untuk mengumpul modal bagi memperolehi keuntungan yang maksima dan hak untuk bersaing. Dundung (2011) melihat ideologi kapitalisme dalam konteks nilai moral sosial dimana Aliran Materialisme adalah sebahagian dari ideologi kapitalisme yang berpandangan bahawa nilai moral itu dapat dibataskan dan didasarkan kepada pengetahuan individu menerusi fenomena-fenomena yang dapat dilihat, dapat diukur, dan dapat dibuktikan. Pada hakikatnya, nilai moral adalah bersifat materi yang mudah dilihat dan bukan bersifat rohani yang berbentuk khayalan, bukan spiritual atau supranatural.

Heilbroner (1986) di dalam Syahyuti (2006) mentakrif konsep ideologi kapitalisme adalah kebebasan tanpa had bagi menjana pendapatan dan manfaat peribadi dan seterusnya membelanjakannya mengikut kemahuan tersendiri. Motif kepentingan peribadi adalah didorong oleh falsafah liberalisme yang mewujudkan sistem pasaran bebas yang seterusnya mewujudkan ideologi kapitalisme. Jamil (2005) menggambarkan ideologi kapitalisme sebagai satu sistem ekonomi yang bercirikan modal yang dimiliki oleh individu swasta dan keputusan ekonomi adalah ditentukan oleh pasaran. Pada masa kini, ideologi ini tidak hanya di lihat dalam skop ekonomi tetapi ia telah diperluaskan dalam konteks sosial dan politik yang mempengaruhi seluruh sistem kehidupan. Gelinis (2003) pula melihat kapitalisme global secara simbolik telah bermula setelah mencapai kemenangan atas ideologi komunisme dan sosialis, kejayaan jaguh-jaguh demokrasi dan pasaran bebas. Jentera ekonomi global mula dicipta oleh kapitalisme melalui instrumen-instrumennya bagi memperolehi kepentingan di dalam kehidupan melalui perkembangan modal dan peningkatan keuntungan. Sehingga kini, kuasa ekonomi makro (kapitalisme) mula tertumpu kepada mekanisme pasaran yang berasaskan kuasa permintaan dan penawaran. Kapitalisme global secara faktanya merupakan lanjutan dan penyempurnaan dari kapitalisme klasik yang dikritik oleh Karl Marx. Di dalam kapitalisme klasik, skopnya hanya di dalam sesebuah negara, manakala kapitalisme global dunia dilihat seakan tidak mempunyai sekatan kedaulatan. Oleh itu, muncul berbagai perusahaan multinasional yang merupai bentuk nyata bagi melihat akan kewujudan kapitalisme global di dunia. Sistem ekonomi kini tidak lagi melibatkan urusan di dalam negeri, sebaliknya sudah berkembang menjadi ekonomi sejagat. Pasaran telah berkembang menjadi pasaran bebas yang tidak hanya melibatkan urusan barangan dan perkhidmatan, tetapi juga melibatkan pasar mata wang dan modal (Selu, 2006).

Menurut Syahyuti (2006), konsep kapitalistik di dalam pemilikan tanah adalah bersifat keperluan sosial untuk memanfaatkan dan memajukan sumber-sumber tanah bagi menghasilkan pulangan dalam bentuk faedah atau manfaat ekonomi kepada pemilik, pemodal dan penduduk di atas tanah. Dalam skop yang lebih luas, persoalan yang mungkin timbul ialah wujudnya keadilan sosial seperti yang dikemukakan oleh Bernstein (2007) di dalam mengagih semula hasil-hasil ekonomi atau pendapatan yang dijana dari faktor-faktor pengeluaran ekonomi bagi menformulasikan takrif "Kapitalisme" di dalam sistem sosial, *Market Society* adalah penerapan sistem sosial yang memberi kesan di dalam memacu kebebasan sosial dan moral di dalam menjana keuntungan yang berterusan tanpa memikirkan soal-soal kebajikan lain. Easterly (2002), Hamza (2007) dan Noer (2011) merumuskan bahawa konsep di dalam ideologi kapitalistik ditunjangi oleh ciri-ciri modal, individualistik, kuasa pasaran dan pasaran bebas.

Berdasarkan analisa dan tinjauan literature yang dibuat, konsep kapitalistik dirumuskan seperti berikut:-

- a) **Individualistik** dimana individu mempunyai hak mutlak untuk menggunakan harta-harta persendirian miliknya secara optimum dan dilindungi oleh kerajaan. Seseorang juga boleh menggunakan semua faktor pengeluaran ekonomi miliknya seperti mesin, peralatan, tanah dan sebagainya di dalam mencapai matlamat keuntungan. Selain itu, sekiranya pemilik asal meninggal dunia, harta miliknya diwarisi oleh penggantinya. Amnya, milikan persendirian sering kali dikaitkan dengan perusahaan swasta.

- b) **Kebebasan** dimana pengguna mempunyai hak mutlak bagi menentukan jenis barangan dan perkhidmatan yang diperlukan dan dapat memberi kepuasan yang maksimum. Kebebasan ini juga hak seseorang untuk membuat keputusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Pemilihan sesuatu barangan dan perkhidmatan adalah bergantung kepada keinginan dan citarasa individu.
- c) **Materialistik** merujuk kepada matlamat untuk memaksimumkan pulangan dan meminimalkan kos dimana individu yang kapitalis akan sebolehnya menghasilkan sesuatu aset pada kadar kos yang lebih rendah bagi mendorongnya untuk memaksimumkan pulangan dari transaksi ke atas aset yang dihasilkan.
- d) **Persaingan** merujuk kepada kebebasan individu kapitalis untuk bersaing di dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan dimana ia mewujudkan kecekapan unit-unit perusahaan dan penghasilan barangan pada kos yang lebih rendah.
- e) **Akumulasi Modal** melihat kepada matlamat pengumpulan kekayaan oleh individu melalui pengeksploitasian ke atas aset yang dilihat sebagai satu bentuk komoditi yang boleh menjana pulangan. Dalam skop ini, nilai kehalobaan dan keserakahan kekayaan menjadi matlamat dan tujuan bagi seseorang individu yang bersifat kapitalis.

Patriotistik

Patriotistik merujuk kepada perasaan yang amat sangat kepada bangsa merangkumi nilai-nilai politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dalam hal ini, sifat syak wasangka terhadap bukan bangsanya akan wujud sehingga mudah mempercayai bahawa kehadiran bangsa lain akan merosakkan struktur politik, ekonomi, sosial dan kebudayaannya. Ia berbeza dengan nilai nasionalisme yang wujud apabila sesuatu bangsa itu berada dibawah jajahan atau taklukan oleh bangsa lain. Secara umumnya, patriotistik merupakan salah satu elemen di dalam ideologi Sosialis dimana kepentingan komunal dan masyarakat adalah keutamaan bagi individu dan masyarakat. Ideologi Sosialis lebih mementingkan kesamarataan dan keadilan dikalangan ahli-ahli di dalam sesebuah komuniti (Harman, 2000 terjemahan Muhammad Salleh, 2001).

Nik Anuar (2002) mengaitkan patriotisme dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri dimana seseorang itu akan dianggap berjiwa patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Menurut Nazri & Jamsari (2004) pula, dari istilah patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Ini membawa pengertian individu atau kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air. Seorang patriot dikatakan sebagai seorang yang cintakan negaranya dan akan membuat apa sahaja untuk mempertahankannya. Selanjutnya, patriot bermaksud orang yang mempertahankan atau memperjuangkan kebebasan atau hak tanah air atau pembela negara. Patriot juga bererti orang yang cinta tanah airnya dan akan melakukan apa saja demi untuknya. Awang Had Salleh (1995) di dalam Nazri & Jamsari (2004) menyatakan bahawa, sejarah patriotisme telah lama wujud dalam peradaban manusia sejak manusia yang sebelumnya hidup berkumuniti kecil terasing atau terpencil mulai memasuki penghidupan dalam komuniti lebih besar berlandaskan dua kesan iaitu wujudnya daerah bumi dan mempertahankan identiti bangsa. Nordin Kardi (2003) di dalam Nazri & Jamsari (2004) mentakrif Patriotisme juga membawa erti fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana kelompok tersebut menghuni. Ianya juga melibatkan slogan dan simbol yang mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku manusia. Ianya sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara.

Komponen-komponen utama di dalam "patriotisme" menurut Sullivan (1992) dan Abdul Rahman (2003) iaitu, *Iconoclastic* merujuk kepada bentuk patriotisme yang wujud melalui usaha yang bersungguh-sungguh bagi membangun dan memakmurkan negara. Rakyat akan menjadi rajin, berusaha dengan gigih, suka berdikari, tabah, berilmu serta berkemahiran di dalam memajukan negara. *Symbolic* merujuk kepada perasaan kasih pada negara dan menghormati pada simbol-simbol kenegaraan. *Instinctive Environmental* merujuk kepada perasaan yang amat mencintai alam sekitar negaranya. *Capitalistic* adalah usaha bagi membangunkan negara bagi menjamin kesejahteraan kehidupan individu dan bangsanya. Dan, *Nationalistic-Symbolic* merujuk kepada kumpulan rakyat atau masyarakat yang

sangat ekstrem dengan menganggap bahawa negara dan bangsa mereka adalah terhebat serta taksu pada diri sendiri, ideologi dan parti yang dianggotai.

Rumusan dari ulasan terminologi dan konsep patriotisme, idea ini diasaskan oleh beberapa ciri-ciri penting yang membentuk teori tersebut iaitu kepentingan komuniti, perasaan kasih dan sayang, perkongsian sumber secara bersama dan ekstrimis. Berikut adalah rumusan prinsip-prinsip utama konsep dan teori patriotis :-

- a) **Sentimental** merujuk kesukaran individu dan masyarakat untuk melepaskan kepentingan sesuatu aset yang mempunyai sifat dan nilai estetika kepada mereka. Sentimental seringkali dikaitkan dengan kecintaan dan sayangnya individu dan masyarakat ke atas kepentingan aset tersebut.
- b) **Semangat Setiakawan** menunjukkan ikatan ukhwah antara individu dalam kelompok masyarakat. Ia dikaitkan dengan kerjasama dan nilai keharmonian dikalangan ahli komuniti di dalam usaha untuk mempertahankan sesuatu perkara yang mempunyai nilai estetika kepada mereka.
- c) **Kesetiaan** merupakan tunjang terpenting dalam nilai patriotistik dimana setia tidak berbelah bahagi dikalangan ahli kepada kelompok masyarakatnya. Ia sering dirujuk kepada kesediaan ahli-ahli komuniti untuk berkorban sama ada dari segi materialistik, kebebasan dan sebagainya.
- d) **Sifat Kemasyarakatan** merupakan elemen penting yang dianuti oleh ahli masyarakat bagi mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang erat bagi pelbagai tujuan yang berkaitan keperluan dan kepentingan masyarakat. Matlamat perkongsian dan pengagihan sama rata menjadi fokus utama dimana setiap ahli akan menerima faedah dan manfaat dari segala sumber yang dimiliki.
- e) **Nasionalisme** dilihat sebagai satu gerakan ideologi untuk mempertahankan kepentingan masyarakat bagi menentang sebarang bentuk pencerobohan dan gangguan pihak luar untuk menguasai aset dan kepentingan komuniti. Gerakan ini menanamkan sifat kecintaan, setiakawan dan penerapan usaha-usaha untuk mendorong ahli mempertahankan komuniti sama ada secara fizikal atau bukan fizikal.

DAPATAN DAN PENEMUAN KAJIAN

Nilai kapitalistik di dalam pemilikan dan pembangunan tanah

Sejajar dengan era permodenan dan perkembangan negara bangsa pada masa kini, kedua-dua nilai moral tidak lagi tertumpu kepada sistem ekonomi dan moral masyarakat semata-mata. Pada masa kini, nilai-nilai ini telah berkembang dalam skop yang global dimana ia telah mula merangkumi elemen-elemen sosial, politik dan kebudayaan. Oleh itu, nilai kapitalistik dan patriotistik telah wujud dalam semua bidang dan sistem kehidupan masyarakat termasuklah di dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah. Berdasarkan tinjauan ke atas kajian-kajian terdahulu, penyelidik mendapati tiada penulisan, jurnal atau wacana yang membincangkan konsep, takrifan dan teori nilai kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah. Namun demikian, penyelidik mengaplikasi ideologi, fahaman dan nilai-nilai kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah. Jika dilihat pada persekitaran semasa, nilai-nilai moral ini semakin berkesan dan mula berkembang di dalam semua bentuk lapangan kehidupan masyarakat pada kini. Perkembangan nilai ini adalah bertepatan dan sesuai dengan persekitaran globalisasi dimana ketika dahulu, nilai ini lebih menentukan corak amalan ekonomi dan kontrak sosial kemasyarakatan. Sesuai dengan persekitaran semasa, penyelidik telah mendapati unsur-unsur nilai kapitalistik telah mula berkembang dalam skop pembangunan dan pemilikan tanah.

Secara konsepnya, kapitalistik di dalam pemilikan tanah merujuk kepada sikap individu yang mengekloitasi tanah dan sumber-sumbernya sebagai komoditi yang boleh dipasarkan di dalam pasaran bebas. Oleh itu, faktor-faktor di dalam proses pembangunan menjadi elemen utama di dalam menentukan harga pasaran semasa tanah. Disamping itu juga, elemen-elemen permintaan dan penawaran menjadi asas utama di dalam mempengaruhi individu atau pemilik tanah di dalam menentukan kepentingan tanah miliknya untuk pelbagai tujuan pembangunan. Oleh itu, aplikasi

konsep nilai kapitalistik di dalam pemilikan tanah memiliki ciri-ciri seperti modal, individualistik, kuasa pasaran dan pasaran bebas. Jika ditinjau kepada elemen asas nilai kapitalistik sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya, unsur-unsur tanah sebagai hakmilik persendirian (individualistik), kebebasan, persaingan dan akumulasi modal telah wujud di dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah. Secara konsep, tanah adalah sumber komoditi yang boleh dieksploitasi oleh individu untuk menjana manfaat dan faedah melalui penghasilan dan pengeluaran produk berasaskan kepada tanah. Tanah juga boleh diurusniaga di dalam pasaran dimana mekanisme harga di dalam menentukan nilai bagi tanah tersebut adalah berdasarkan faktor permintaan dan penawaran. Sebagaimana barangan dan perkhidmatan yang lain, nilai tanah akan meningkat sekiranya permintaan ke atas tanah adalah melebihi dari penawaran terutama bagi tanah-tanah yang memiliki nilai ekonomi dan mempunyai faktor fizikal yang baik. Namun begitu, semua elemen kapitalistik di dalam pemilikan tanah akan wujud sekiranya berlaku proses pembangunan fizikal atau bukan fizikal. Oleh itu, elemen-elemen kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah adalah seperti berikut:-

- a) **Individualistik** di dalam pembangunan dan pemilikan tanah lebih menfokuskan kepada peranan dan penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan ke atas tanah. Sesuai dengan prinsip kapitalistik, pemilik tanah mempunyai kepentingan tanah secara langsung di dalam menentukan dan memutuskan cara penggunaan tanah. Elemen individualistik dilihat berlaku kerana disebabkan oleh prinsip pemilikan tanah yang berasaskan kepada sistem Torrens dimana pemilik tanah mempunyai hak yang tidak boleh disangkal di dalam mengeksploitasi penggunaan tanah. Dalam nilai ini juga, tanah merupakan satu sumber pengeluaran ekonomi dan aset komoditi yang boleh menjana pulangan ekonomi.
- b) **Kebebasan** atau liberalisasi dalam konteks nilai kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah merujuk kepada kebebasan dan hak yang diperuntukkan kepada pemilik-pemilik tanah berdaftar untuk melakukan sebarang bentuk transaksi tanah termasuklah proses pindahmilik tanah. Secara spesifiknya, pemilik tanah bebas untuk mendapatkan mana-mana pihak yang sanggup dan bersedia untuk proses perundingan bagi pindahmilik tanah. Dengan demikian, harga yang terbaik melalui persaingan adalah bergantung berapa jumlah yang sanggup ditawarkan oleh bakal-bakal pembeli bagi mendapatkan kepentingan tanah. Selain itu juga, ciri kebebasan nilai kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah tidak mutlak sepenuhnya dimana tanah mempunyai sekatan dan batasan tertentu yang diperuntukkan di dalam perundangan tanah bagi menghalang pemilik tanah melampaui kegunaan tanah yang dibenarkan.
- c) **Persaingan** merujuk pertandingan yang akan wujud apabila terdapat lebih dua bakal pembeli yang menunjukkan minat untuk mendapatkan tanah-tanah bermilik. Amnya, persaingan ini wujud apabila berlaku perkembangan yang positif di dalam sektor ekonomi semasa berhampiran dengan tanah tersebut. Bagi pemilik tanah (bakal penjual), elemen kapitalis akan wujud sekiranya berlaku proses tawar menawar dikalangan bakal-bakal pembeli. Di akhir proses persaingan, pemilik tanah kapitalistik akan memilih tawaran harga yang lebih baik dan tinggi.
- d) **Akumulasi modal** dilihat kurang menonjol berbanding elemen-elemen kapitalistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah. Elemen ini akan wujud sekiranya wujud perkembangan ekonomi seperti perubahan struktur pasaran hartanah, faktor permintaan melebihi faktor penawaran tanah dan peningkatan nilai pasaran tanah secara mendadak. Namun begitu, kewujudan implikasi ini bergantung kepada kesesuaian dasar dan pelaksanaan program-program pembangunan fizikal dan bukan fizikal yang menjadi faktor utama nilai kapitalistik di dalam pembangunan. Akumulasi modal lebih tertumpu kepada sikap pemilik tanah yang mengambil pendekatan "tunggu dan lihat" bagi melihat perkembangan perubahan pasaran tanah. Apa yang pasti, nilai pasaran tanah adalah penampakan inflasi disebabkan oleh pengawalan perundangan anti spekulasi nilai tanah (dalam konteks Malaysia, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976).

Nilai patriotistik di dalam pemilikan dan pembangunan tanah

Sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya, patriotistik merupakan salah satu cabang ideologi sosialisme yang lebih mementingkan kepentingan secara bersama (sosialistik). Patriotistik melibatkan kepentingan komuniti di dalam mengekalkan aset dan penguasaan politik, ekonomi dan sosial. Tujuan

dan matlamat nilai patriotistik untuk mengekalkan kelangsungan dan penguasaan komuniti di dalam menghadapi tekanan dari komuniti imigran dan luaran yang berusaha untuk menguasai sosiopolitik dan sosioekonomi.


Dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah, ia dilihat boleh memberi kesan secara langsung kepada komuniti bagi mengekalkan penguasaan tanah disamping berusaha untuk memonopoli aliran pembangunan yang mula berkembang ke kawasan petempatan bagi komuniti tersebut. Patriotistik dalam konteks penguasaan pembangunan dan pemilikan tanah ialah, pengekaln keberlangsungan pemilikan tanah dengan mengeksploitasi manfaat dan faedah yang dibawa pembangunan. Selain itu, individu dan komuniti patriotistik akan mengambil langkah-langkah perlu bagi membataskan penguasaan pihak luar terutama yang melibatkan kelompok kapitalis di dalam menguasai pemilikan tanah dan memonopoli faedah dan manfaat pembangunan yang sepatutnya dinikmati oleh kelompok patriotis. Dalam menerapkan elemen-elemen patriotistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah, nilai-nilai asas sosialis dan patriotis dilihat menjadi sebahagian dari nilai moral individu dan komuniti patriotis bagi mengekalkan penguasaan tanah serta memanfaatkan peluang-peluang pembangunan. Nilai-nilai asas sosialis dan patriotis yang dimaksudkan ialah nilai sentimental, semangat setiakawan, kesetiaan, sifat kemasyarakatan dan nasionalisme. Berikut adalah huraian nilai-nilai patriotistik yang diaplikasikan di dalam konsep pembangunan dan pemilikan tanah :-

- a) **Nilai Sentimental** merujuk kepada persepsi dan pandangan individu dan komuniti patriotistik yang melihat kepentingan pembangunan sebagai aset yang boleh meningkatkan taraf sosioekonomi dan sosiopolitik mereka dari sudut manfaat dan faedah yang boleh dijana. Manakala dari sudut pemilikan tanah, nilai sentimental merujuk kepada tanah yang dimiliki oleh individu dan masyarakat patriotis adalah satu aset yang dihargai. Pengeksploitasian sumber tanah oleh golongan patriotis adalah untuk mengekalkan milikan tanah tetapi memanfaatkan kesan positif pembangunan ke atas tanah tersebut.
- b) **Semangat Setiakawan** dalam konteks patriotistik di dalam pemilikan dan pembangunan tanah merujuk keakraban individu dan komuniti patriotistik di dalam memberi kerjasama dan perhatian ke atas impak pembangunan. Ini merujuk kepada peranan dan tindakan ahli-ahli patriotis di dalam mempertahankan milikan tanah dari dilupuskan kepada kelompok kapitalis dan pendatang. Konsep ini lebih melihat kepada sikap perkauman dalam konteks sosialis kemasyarakatan.
- c) **Kesetiaan** memfokuskan semangat atau kuasa dalaman dikalangan kelompok patriotis di dalam memberi sepenuh perhatian dan kesetiaan kepada kumpulan masyarakat dalam pelbagai perspektif termasuklah dalam hal-hal berkaitan dengan pemilikan tanah. Meskipun berlaku tekanan pembangunan terutama yang melibatkan pembangunan fizikal, individu sosialis yang patriotistik akan berusaha untuk menangani impak pembangunan dengan mengekalkan pemilikan tanah.
- d) **Sifat Kemasyarakatan** menunjukkan nilai-nilai lebih mementingkan suku, bangsa dan kelompok masyarakat lebih daripada kepentingan peribadi. Dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah, setiap ahli patriotis akan sama-sama berganding bahu untuk mempertahankan hak dan milikan tanah ahlinya meskipun berlaku pengambilalihan tanah sama ada menerusi proses perundangan atau tekanan permintaan oleh kelompok kapitalis. Sifat kerjasama yang kuat dikalangan ahli-ahli kapitalis di dalam mengagihkan manfaat dari pembangunan agar faedah tersebut tidak dinikmati oleh kelompok kapitalis atau masyarakat luar.
- e) **Nasionalisme** menunjukkan sentimen yang diterapkan dikalangan individu patriotistik dalam usaha untuk mempertahankan milikan tanah, pemilihan bakal-bakal pembeli, kepentingan manfaat pembangunan kepada kelompok patriotistik dan usaha-usaha bagi menyekat tekanan dan kehalobaan golongan kapitalis dan masyarakat luar untuk menguasai faedah pembangunan dan pemilikan tanah tempatan. Sekiranya berlaku kehilangan tanah milikan individu atau masyarakat patriotis, usaha untuk mendapatkan kembali tanah tersebut akan dilakukan oleh bekas pemilik asal dan ahli-ahli masyarakat bagi mengekalkan penguasaan tanah.

Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan perbincangan dan analisa secara literature konsep dan prinsip nilai-nilai kapitalistik dan patriotistik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah, penyelidik merumuskan kerangka konseptual kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Berikut adalah kupasan secara ringkas elemen-elemen yang diambil kira oleh penyelidik di dalam mengadaptasi implikasi perubahan trend pemilikan tanah akibat dari penerapan nilai-nilai kapitalistik dan patriotistik di dalam mempengaruhi faktor-faktor perubahan trend pemilikan tanah akibat dari proses pembangunan:-

RAJAH 1: Kerangka Konseptual Kajian



Sumber: Ilustrasi Penyelidik, 2012

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan di atas, penyelidik telah mengenalpasti kesan pembangunan ke atas tanah milikan Melayu akan menyebabkan berlaku perubahan trend pemilikan tanah. Perubahan trend pemilikan tanah akan menyebabkan berlaku peningkatan atau penyusutan kepentingan dan keluasan tanah komuniti natif di kawasan luar bandar. Dalam skop kajian ini, penyelidik memberi perhatian penglibatan dan peranan pemilik tanah natif Melayu secara individu. Secara ringkasnya, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi perubahan trend pemilikan tanah natif Melayu akibat dari proses pembangunan iaitu faktor polisi, ekonomi dan sosial.

Faktor polisi memberi tumpuan kepada sistem perundangan tanah dan dasar-dasar pembangunan. Sistem perundangan tanah merujuk kepada amalan pengaplikasian sistem milikan tanah yang sedang diamalkan dan digunakan oleh kerajaan di dalam pentadbiran dan pengurusan tanah. Di dalam sistem ini juga mempunyai kelebihan dan kekurangan yang secara tidak langsung boleh mewujudkan nilai kapitalistik atau patriotistik dalam konteks pemilikan tanah. Manakala dasar-dasar pembangunan merangkumi cadangan dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan yang dilihat memberi impak yang tersendiri di dalam mewujudkan kemungkinan wujud nilai-nilai kapitalistik atau patriotistik. Kewujudan nilai-nilai tersebut bergantung kepada bentuk dan kepentingan dasar-dasar pembangunan sama ada fizikal atau bukan fizikal.

Faktor ekonomi dikaitkan dengan struktur pasaran tanah merangkumi elemen-elemen nilai pasaran tanah dimana berkemungkinan akan berlaku peningkatan, penurunan atau pengekalan nilai. Perubahan trend pasaran tanah merupakan impak yang wujud akibat dari cadangan dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan. Ia merupakan impak peringkat kedua yang akan berlaku akibat dari kesan pembangunan dimana tanpa pengaruh dan implikasi dasar-dasar pembangunan tersebut, mungkin tidak berlaku perubahan di dalam struktur pasaran tanah di kawasan yang terlibat. Selain itu, tahap pengetahuan pemilik-pemilik tanah mengenai impak dasar-dasar pembangunan ke atas trend pasaran dan nilai tanah semasa di kawasan yang terlibat akibat dari pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal juga turut menyumbang kepada kewujudan nilai-nilai kapitalistik atau patriotistik.

Faktor terakhir yang mempengaruhi perubahan trend pemilikan tanah ialah faktor sosial yang dilihat dari sudut budaya (*culture*), persekitaran sosial, sikap dan persepsi pemilik tanah terhadap kemungkinan implikasi proses pembangunan. Impak sosial diukur dari perspektif pemilik-pemilik tanah di dalam melihat kesan pembangunan dari sudut sosiopolisi dan sosiobudaya yang menggabungkan elemen-elemen di dalam faktor-faktor polisi dan ekonomi. Secara tersiratnya, kedua-dua faktor tersebut boleh mempengaruhi emosi dan psikologi pemilik-pemilik tanah natif Melayu bagi menentukan kepentingan tanah milikan mereka sama ada ia adalah satu komoditi yang boleh diurusniaga atau aset yang dapat mengekalkan penguasaan komuniti Melayu bagi memanfaatkan peluang dan faedah dari proses pembangunan.

Berdasarkan ciri-ciri di dalam faktor-faktor di atas, ia akan dijadikan sebagai asas pengukuran bagi mengenalpasti sama ada pemilik-pemilik tanah natif Melayu di kawasan luar bandar bersifat kapitalistik atau patriotistik di dalam menghadapi implikasi proses pembangunan. Untuk tujuan itu, huraian teknik dan kaedah pengukuran nilai moral akan dibincangkan secara terperinci di dalam Bab Metod Penyelidikan.

RUMUSAN

Nilai kapitalistik dan patriotistik merupakan elemen asas kajian ini yang digunakan sebagai asas bagi membuktikan bahawa perubahan trend pemilikan komuniti natif Melayu akibat dari proses pembangunan. Nilai-nilai ini mempengaruhi faktor-faktor polisi, ekonomi dan sosial yang menyebabkan berlaku perubahan trend pemilikan tanah natif. Kesan ini wujud akibat pelaksanaan pelan-pelan dan dasar-dasar pembangunan di luar bandar yang kini sedang menghadapi perkembangan proses pembangunan.

Kapitalistik merujuk sikap menyanjungi material, keuntungan dan pengumpulan modal melalui pengeksploitan faktor-faktor pengeluaran ekonomi secara individualistik. Manakala patriotistik pula kepada nilai sentimental bagi mengekalkan penguasaan pemilikan sesuatu kepentingan aset serta menghalang usaha penguasaan pihak luar untuk menguasai sumberdaya bagi sesebuah komuniti sosialis. Dalam konteks takrifan secara umum, kapitalis bersifat individualistik dan monopoli manakala patriotistik lebih mementingkan kesamarataan dan komunalistik serta berusaha untuk mempertahankan hak dan kedaulatan masyarakat.

Berdasarkan elemen-elemen asas di dalam nilai kapitalistik dan patriotistik, penyelidik telah mengadaptasikannya dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah. Bagi membuktikan kewujudan nilai-nilai tersebut yang memberi kesan kepada perubahan trend pemilikan tanah, beberapa ciri asas nilai

kapitalistik dan patriotistik telah diterapkan ke dalam faktor-faktor polisi, ekonomi dan sosial yang merupakan tunjang utama yang dikenalpasti oleh penyelidik melalui analisa ke atas kajian-kajian lampau sebagaimana yang dibincangkan di dalam Bab Dua. Dengan berasaskan intipati yang diperolehi melalui gabungan ulasan kajian lampau dan konsep nilai-nilai kapitalistik dan patriotistik, maka penyelidik membentangkan Kerangka Konseptual Kajian yang menjadi panduan penyelidik bagi mengukur pengaruh nilai-nilai moral tersebut dalam mempengaruhi faktor-faktor yang menyebabkan berlaku perubahan trend pemilikan tanah natif Melayu di kawasan luar bandar dalam konteks kajian penyelidik.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz. (2003). *Falsafah Pembangunan*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Bernstein, H. (2007). *Capitalism and Moral Economy : Land questions in Sub-Saharan Africa*. Kertas kerja Persidangan "Poverty and Capital", Global Poverty Group and Brooks World Poverty Institute. University of Manchester, 2-4 Julai.
- Diana Wijayanti. (2002). Melacak Pembuktian Teori-Teori Pertumbuhan Ekonomi. *Jurnal Ekonomi Pembangunan*. 2002 : 181-186.
- Easterby-smith, M., Thorpe, R. & Lowe, A. (2002). *Management Research. An Introduction*. London : SAGE Publications.
- Eko Prasetyo. (2004). Kapitalisme & Neoliberalisme : Sebuah Tinjauan Singkat. *Ekonomi Politik Journal Al-Manär*. I (2004) : 1-9.
- Fx Adji Samekto. (2000). Isu Demokrasi dalam era Globalisasi. Diskusi Panel Nasional : Arogansi Amerika Serikat dalam hubungan Internasional. Anjuran Fakultas Hukum, Universitas Diponegoro. Semarang, 23 Oktober.
- Gelinas, J. B. (2003). *Juggernaut Politics: Understanding Predatory Globalization*. London & New York : Zed Books.
- Jamil Salmi. (2005). *Violence and Democratic Society*. Jakarta : Kelompok Pilar Media.
- Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2004). Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. Di dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme. Langkawi, 4-6 September.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). *Patriotisme dalam penulisan sejarah*. [http:// www.iksep.gov.my](http://www.iksep.gov.my) [15 Februari 2011]
- Noer Fauzi Rachman. (2011). *Kapitalisme Adalah Sebab, Agraria Adalah Akibat*. Jurnal Dignitas Edisi 2. http://www.elsam.or.id/.../1333445795_Fokus.pdf [2 Januari 2012]
- Selu Margaretha Kushendrawati. (2006). Masyarakat Konsumen sebagai Ciptaan Kapitalisme Global : Fenomena Budaya Dalam Realitas Sosial. *Makara, Sosial Humaniora*. 10(2) : 49-57.
- Stanislaus Nugroho. (2008). Apakah Kapitalisme (Global) Memiliki Moral? *Respons*. 13(02) : 88-39.
- Syahyuti. (2006). Nilai-nilai kearifan pada konsep penguasaan tanah menurut Hukum Adat di Indonesia. *Forum Penelitian Agro Ekonomi*. 24 (1) : 14-27.